

D508

U B135 DEB

UMNO - CUEPACS

KUALA LUMPUR, 29 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN LAGI BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN SEKALI-KALI TUNDUK TERHADAP APA JUGA UGUTAN DARIPADA MANA-MANA PIHAK TERMASUK KONGRES KESATUAN SEKERJA DALAM PERKHIDMATAN AWAM (CUEPACS).

PRESIDEN UMNO DAN PERDANA MENTERI ITU BAGAIMANAPUN BERKATA BAHAWA KERAJAAN BERSEDIA MENGHADAPI UGUTAN CUEPACS ITU BILA-BILA MASA. CUEPACS DIJANGKA MENGADAKAN PIKET DAN TUNJUK PERASAAN BAGI MENUNTUT PELARASAN GAJI MULAI SELASA INI.

SEMASA MENGGULUNG PERBAHASAN DUA HARI PERHIMPUNAN AGUNG KE-36 UMNO DI SINI HARI INI, BELIAU BERKATA BELIAU MENYESALI SIKAP KAKITANGAN KERAJAAN MENERUSI CUEPACS YANG TIDAK MEMBALAS JASA-JASA KERAJAAN TERHADAP MEREKA SELAMA INI, JIKA PIKET DAN TUNJUK PERASAAN ITU DITERUSKAN.

BELIAU YAKIN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO DARIPADA KALANGAN KAKITANGAN KERAJAAN TIDAK AKAN MENERIMA UGUTAN ITU TETAPI SEBALIKNYA TERUS MEMBERIKAN KEYAKINAN DAN SOKONGAN KEPADA KERAJAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGULANGI BAHAWA BELIAU SUKAR HENDAK MENEMUI PEMIMPIN-PEMIMPIN CUEPACS UNTUK MEMBINCANGKAN PERKARA TUNTUTAN MEREKA ITU SELAGI +SAYA DAN KERAJAAN TERUS DIUGUT+. - LAGI
1158MST 29 09 85

U B140 BAH

UMNO - CUEPACS 2 KUALA LUMPUR

+DAPATKAN SAYA BEPUNDING DENGAN MEREKA APABILA PISTOL DIHALAKAN KE KEPALA SAYA? KALAU HENDAK BEPUNDING JANGANLAH ADA APA-APA UGUTAN YANG BERKEPENTINGAN POLITIK,+ TEGASNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN SENTIASA BERSIKAP BERTIMBANG RASA KERANA KERAJAAN SEDAP MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH KAKITANGAN KERAJAAN TERUTAMA KALANGAN RENDAH.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA TANGGUNGJAWAB KERAJAAN BUKAN SAHAJA KEPADA KAKITANGAN KERAJAAN TETAPI GOLONGAN-GOLONGAN MASYARAKAT LAIN SEPERTI NELAYAN DAN PETANI YANG MENGHADAPI TEKANAN HIDUP YANG LEBIH BURUK DARIPADA KAKITANGAN KERAJAAN.

BELIAU MENARIK PERHATIAN KAKITANGAN KERAJAAN BAHAWA KALAU DIBANDINGKAN DENGAN SEGALA KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN UNTUK MEREKA SEPERTI GAJI YANG TETAP SETIAP BULAN, PENCEN DAN ELAUN-ELAUN, MAKA NELAYAN DAN PETANI TIDAK MENIKMATINYA LANGSUNG.

DENGAN KEMEROSOTAN HARGA BAHAN-BAHAN UTAMA, TANGKAPAN IKAN YANG TIDAK MENENTU DAN PENDAPATAN YANG DIPEROLEHI KAIS PAGI MAKAN PAGI, KAIS PETANG MAKAN PETANG, MAKA KERAJAAN PERLU MEMBERI PERHATIAN YANG LEBIH BERAT KEPADA MEREKA, UJARNYA. - LAGI.

1216MST 29 09 85

UMNO - CUEPACS 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR.MAHATHIR JUGA MENARIK PERHATIAN MASALAH KAUM PEKERJA DI INDUSTRI-INDUSTRI APABILA BARU-BARU INI 1,200 ORANG PEKERJA KILANG DI PULAU PINANG TELAH DIBERHENTIKAN KERANA KEMELESETAN EKONOMI DUNIA.

BELIAU JUGA MEMBANDINGKAN PENDAPATAN KAKITANGAN RENDAH KERAJAAN DAN SWASTA YANG MENURUTNYA, PEKERJA-PEKERJA AWAM MEMPEROLEHI GAJI YANG LEBIH TINGGI SELAIN MENIKMATI KEMUDAHAN SEPERTI PENCEN SEUMUR HIDUP DAN GANJARAN YANG LAIN.

+JADI APA LAGI YANG DIKEHENDAKI OLEH KAKITANGAN KERAJAAN? APA SALAHNYA KERAJAAN MEMBERIKAN SEBAHAGIAN PENDAPATAN NEGARA KEPADA RAKYAT YANG LEBIH MEMERLUKANNYA SEPERTI NELAYAN, PENJAJA KECIL DAN PETANI?+ TANYANYA.

PERDANA MENTERI MENYESALI SIKAP CUEPACS YANG TIDAK MAHU MENGHARGAI SEGALA NIKMAT YANG DICURAHKAN OLEH KERAJAAN SEBALIKNYA MEMBALASNYA DENGAN MENGUGUT KERAJAAN DENGAN MENGADAKAN PIKET DAN TUNJUK PERASAAN SERTA TIDAK MAHU MENYOKONG BARISAN NASIONAL.

SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN BERGANJAK DENGAN PENDIRIANNYA SELAGI UGUTAN ITU TIDAK DITARIK BALIK, BELIAU BERKATA WALAUPUN SOKONGAN TIDAK AKAN DIPEROLEHI DARIPADA KAKITANGAN KERAJAAN, MAKA MASYARAKAT NELAYAN, PETANI AKAN PASTI MEMBERI SOKONGAN KEPADA KERAJAAN TERUS MENERUS.

-BERNAMA.

1241MST 29 09 85